

Kajian Literatur Terhadap Fatwa Ajaran *Waḥdah al-Wujūd* Berdasarkan Beberapa Karya Populer Alam Melayu di Malaysia

Mohd Zulfakar bin Hj Mat Jusoh¹

Che Zarrina Sa'ari²

Azmil Zainal Abidin³

ABSTRAK

Ajaran waḥdah al-wujūd merupakan satu polemik yang muncul dalam dunia ilmu tasawuf. Polemik ajaran ini telah melahirkan aliran yang menyokong dan menentang. Aliran menentang mengambil inisiatif mewartakan fatwa pengharaman mengenainya. Fatwa tersebut dilihat mengemukakan sekatan terhadap beberapa karya turāth popular di Malaysia daripada disebarkan serta dipelajari. Manakala aliran menyokong cuba menafikan konsep waḥdah al-wujūd terhadap karya tersebut daripada kefahaman ḥulūl dan ittihād yang disalah ertikan. Artikel ini bertujuan untuk mengkaji mengenai fatwa terhadap beberapa karya turāth popular yang dikatakan mempunyai ajaran waḥdah al-wujūd di Malaysia. Karya tersebut juga telah diwartakan secara rasmi oleh Majlis Fatwa Agama Islam negeri di Malaysia, atas sebab ajaran mengandungi unsur waḥdah al-wujūd yang bersifat ḥulūl dan ittihād yang membawa kepada kufur. Artikel ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif menerusi penilaian isi kandungan dokumen dan tinjauan sejarah terhadap isi kandungan fatwa dalam memperincikan alasan fatwa mengenai ajaran waḥdah al-wujūd yang membawa kepada aspek pengharamannya di Malaysia. Hasil penyelidikan menyimpulkan bahawa fatwa pertama daripada Majlis Agama Islam Negeri Johor melalui pengaruh Sayyid Alawi Tahir al-Hadad telah dijadikan sumber ikutan serta persetujuan majoriti fatwa lain yang datang selepas itu di beberapa Majlis Agama Islam negeri di Malaysia.

Kata Kunci: *Waḥdah al-Wujūd, Sayyid Alawi Tahir al-Hadad, Kashf al-Asrār, al-Dūrr al-Nafīs, Hidāyah al-Sālikīn*

PENDAHULUAN

Istilah *waḥdah al-wujūd* merupakan gabungan dua perkataan berasal daripada lafaz bahasa Arab. Ia terbit hasil daripada perdebatan ilmu dalam dunia tasawuf Islam. Secara literalnya, *waḥdah al-wujūd* boleh merujuk kepada maksud kesatuan yang wujud.⁴ Menurut Jamīl Ṣalībā, *waḥdah al-*

¹ Mohd Zulfakar bin Hj Mat Jusoh, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur Malaysia. mzulfakarj@gmail.com.

² Professor Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur Malaysia. zarrina@um.edu.my.

³ Pensyarah Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur Malaysia. hadiqah_irfan@um.edu.my.

⁴ Muhammad Ali Mufti, *Nilai-Nilai Pendidikan Keimanan dalam Paham Wahdat Al-Wujud Ibnu 'Arabi*, (Jakarta: Fakultas Ilmu Tarbiyah dan Keguruan UIN Syarif Hidayatullah, 2014), 40. Sepertimana petikan daripada Abudin Nata dalam bukunya berjudul: "*Akhlak Tasawuf*".

wujūd merujuk kepada aliran yang berpandangan mengenai kesatuan Allah SWT dengan alam. Polemik kesatuan mengenai alam dan Pencipta dibincangkan dalam sebahagian falsafah ajaran keagamaan seperti daripada ajaran Hindu, Yunani (*stoicism*), Platonism,⁵ dan aliran kesufian Islam.⁶ Dalam konteks pandangan ahli sufi Islam, *waḥdah al-wujūd* merujuk kepada kewujudan Allah SWT yang sebenar (sebagai wujud yang hakiki) dan tidak ada wujud yang lain kecuali kewujudan yang Esa, serta kewujudan mengenai alam ini merupakan sebagai tempat *tajallī* (penzahiran) terhadap kewujudan zat Allah SWT.⁷ Abū Wafā' al-Taftāzānī menyatakan, *waḥdah al-wujūd* merujuk kepada satu aliran tasawuf yang menjadikan wujud itu hanyalah satu, iaitu merujuk hanya kewujudan Allah SWT. Manakala wujud yang kelihatan banyak pada alam ini merupakan aspek yang dikatakan berbentuk perasaan bersifat sebagai *wahm* (sangkaan) disebabkan kelemahan akal dalam mengetahui tentang kewujudan yang bersifat hakiki (sebenar) tersebut.⁸

Dalam menerangkan maksud *waḥdah al-wujūd* secara jelas, sebahagian daripada kajian sarjana telah merujuk pandangan al-Ghazālī.⁹ Al-Ghazālī dalam *Ihyā'*nya, telah membahagikan pandangan mengenai konsep tauhid itu kepada empat golongan. Pentakrifan al-Ghazālī mengenai tauhid tingkatan golongan yang ketiga atau tingkatan makna tauhid terakhir boleh merujuk kepada maksud *waḥdah al-wujūd* yang dibincangkan dalam dunia sufi, kerana ia dilihat lebih sinonim kepada konsep yang dimaksudkan sebagai ajaran *waḥdah al-wujūd*. Tauhid golongan ketiga dinamakan tauhid *muqarrabīn*, ialah mereka yang diberikan cahaya pada hatinya untuk melihat perkara dalam kejadian yang banyak (*al-kathrah*) sebagai semuanya berasal daripada Allah SWT yang Maha Esa, dan mereka menyaksikan segala perkara pada hakikatnya ialah Allah SWT. Manakala, tauhid yang dimaksudkan golongan keempat pula merujuk kepada golongan *ṣiddīqīn*, iaitu mereka tidak melihat pada wujud kecuali Yang Esa (*lā yarā fī al-wujūd illā wāḥidan*), dan menurutnya ini adalah tauhid martabat tertinggi.¹⁰ Menurut Abū 'Alā 'Afīfī,¹¹ *waḥdah al-wujūd* merupakan kesinambungan daripada perbincangan ilmu Kalam. Ia berikutan terkesan daripada perbincangan para *al-mutakallimūn* ketikamana mereka mula membahaskan tentang sifat

⁵ Iaitu merujuk kepada pemikiran seorang ahli falsafah serta ahli Metafizik bernama Platonus (m.270M). Platonus juga dikenali sebagai pengasas Neo-Platonism. Pemikiran beliau dikira telah memperincikan idea Plato serta Aristotle. Rujuk: Uswatun Hasanah, "Konsep *Waḥdat Al-Wujūd* Ibn 'Arabī Dan Manunggaling Kawulo Lan Gusti Ranggawarsita", (Tesis Sarjana, Universitas Islam Walisongo Semarang, 2015), 54-57.

⁶ Jamīl Ṣalībā, *al-Mu'jam al-Falsafī*, (Beirut: Dar al-Kitab al-Bananī, 1982), 569.

⁷ *Ibid.*,

⁸ Abū Wafā' al-Taftāzānī, *Madkhal Ilā al-Tasawwūf al-Islāmī*, (Kaherah: Dar al-Thaqāfah li al-Nashr wa al-Tawzī', t.t), 199.

⁹ Rujuk kajian dilakukan oleh Ahmad bin 'Abd al-'Azīz al-Qaṣayyir, menyatakan bahawa al-Ghazālī merupakan salah seorang tokoh sufi yang menyebarkan ajaran *waḥdah al-wujūd* setelah zaman awal kesufian Islam, dikaitkan dengan karya agungnya seperti "*Ihyā' 'Ulūm al-Dīn*" dalam membicarakan aspek pembahagian penghayatan ilmu tauhid. Menurutnya, tahap *marātib* (tingkatan) ketiga dan keempat iaitu *mushāhadah al-ṣiddīqīn* sebagai ahli sufi menerima tauhid *al-fanā'* (lebur). Rujuk: Ahmad bin 'Abd al-'Azīz al-Qaṣayyir, '*Aqīdah al-Ṣūfiyyah Waḥdah al-Wujūd al-Khaḥfiyyah*, (Riyadh: Maktabah al-Rashd Nāshirūn, 2003), 141-142. Sebagaimana juga dalam karya al-Ghazālī berjudul "*Mishkāt al-Anwār*" menyatakan bahawa tiadalah yang wujud itu kecuali Allah SWT, dan sesungguhnya setiap sesuatu itu binasa kecuali zatNya, bukan disebabkan (binasa) kefahaman mengikut hal sesuatu pada waktu semasa, malah ia binasa sejak azali dan selamanya, maka yang dimaksudkan *mawjūd* (penzahiran pada yang wujud) itu ialah wajah (zat) Allah SWT. Rujuk: Abū Ḥāmid al-Ghazālī, *Mishkāt al-Anwār*, tahqiq: Riyāḍ Mustafā al-'Abd Allah, (Damshīq: Dar al-Ḥikmah, 1407H), 69.

¹⁰ Abū Ḥāmid al-Ghazālī, *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn*, (Kaherah: Maktabah Fayyāḍ, t.t), 4:357.

¹¹ Beliau juga merupakan salah seorang tokoh sufi secara umum dan kajian beliau mengenai Ibn 'Arabī secara khusus.

waḥdāniyyah (Keesaan) Allah SWT. Menurutnya lagi, *waḥdah al-wujūd* bukanlah diambil daripada aliran ajaran Hindu sebagaimana dakwaan sebahagian sarjana Orientalis dari Barat yang berlaku pada hari ini.¹²

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kajian kualitatif. Mengambil kaedah pengumpulan data melalui dokumen kepustakaan. Data yang dikumpul, dianalisis melalui cara induktif dan deduktif melalui metode analisis kandungan dokumen yang berkaitan dengan warta fatwa daripada Majlis Agama Islam sebahagian negeri di Malaysia. Selain itu, kaedah tinjauan sejarah juga digunakan. Menelusuri aspek asal-usul terhadap fatwa yang pertama yang telah diwartakan mengenai larangan serta pengharaman penyebaran ajaran tasawuf *waḥdah al-wujūd* terhadap karya *turāth* di Malaysia. Ia dikaji merujuk kepada idea mengenai alasan fatwa pengharaman tersebut. Selain itu, tinjauan secara ringkas juga dilakukan terhadap karya yang diharamkan, bagi melihat biodata penulis serta ringkasan isi kandungan yang terdapat dalamnya.

DAPATAN KAJIAN

Kronologi Pewartaan Fatwa Terhadap Karya *Turāth Waḥdah al-Wujūd* di Malaysia

Dapatan kajian telah mendapati bahawa fatwa pengharaman terhadap karya *turāth* yang popular dalam masyarakat Malaysia yang mengandungi unsur *waḥdah al-wujūd* melalui kronologi dapat diterangkan sepertimana berikut:

- i. Fatwa pengharaman oleh mufti Sayyid Alawi Tahir al-Hadad dalam Majlis Agama Islam Negeri Johor pada tahun 1948 dengan pengharaman karya seperti *Kashf al-Asrār*, *al-Dūrr al-Nafīs* serta *Hidāyah al-Sālikīn*.
- ii. Pewartaan fatwa pengharaman dan larangan oleh Majlis Agama Islam negeri Kelantan pada 28 September 1972.
- iii. Pewartaan fatwa pengharaman dan larangan oleh Majlis Agama Islam negeri Pahang pada 1999.
- iv. Pewartaan fatwa pengharaman dan larangan Majlis Fatwa Kebangsaan Persekutuan oleh Jabatan Kemajuan Agama Islam Malaysia (JAKIM) pada tahun 2000.
- v. Pewartaan fatwa pengharaman dan larangan oleh Majlis Agama Islam negeri Selangor pada 5 Julai 2001.
- vi. Pewartaan fatwa pengharaman dan larangan oleh Majlis Fatwa Agama Islam negeri Kedah pada 27 September 2015.

Daripada fatwa yang diwartakan oleh Majlis Agama Islam negeri di atas, dinyatakan bahawa fatwa Majlis Agama Islam negeri Kelantan, Pahang, Selangor, Kedah, dan fatwa Kebangsaan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) adalah mengikut serta bersetuju terhadap fatwa pertama yang diwartakan di negeri Johor tersebut. Fatwa tersebut merujuk kepada fatwa Sayyid Alawi Tahir al-Hadad dengan kenyataan berikut:

“Bersetuju dengan fatwa rasmi negeri Johor yang telah diputuskan pada tahun 1948 oleh S. S Syed Alawi Tahir Al-Hadad...”¹³

¹² Abū al-‘Alā ‘Afīfī, *al-Tasawwūf al-Thawrah al-Rūḥiyyah fī al-Islām*, (Beirut: Dar al-Sha‘b li al-Ṭaba‘ah wa al-Nashr, t.t), 83-84.

¹³ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, *Kompilasi Pandangan Hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*, (Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2015), 11. Rujuk juga: Jabatan Mufti Negeri Kedah Darul Aman, *Himpunan Fatwa yang diwartakan*, (Kedah: Jabatan Mufti Negeri Kedah Darul Aman, 2018), 37.

Implikasi terbabit, fatwa serta aspek pengharaman ajaran *waḥdah al-wujūd* yang telah diwartakan oleh pihak Majlis Agama Islam beberapa negeri selain Johor ini adalah berpaksikan kepada pandangan Sayyid Alawi Tahir al-Hadad yang dikeluarkan semasa menjawat jawatan mufti yang telah diwartakan pada tahun 1948. Fatwa yang mengikuti pandangan Sayyid Alawi Tahir al-Hadad itu mengambil kenyataan beliau yang menyebut:

“...mengikut pendapat *ijmā'* ulama fahaman *wahdatul wujud* adalah kufur. Sesiapa yang mempercayai dan mengamalkannya adalah murtad. Jika pengamal fahaman tersebut mempunyai isteri, isterinya tertalak dan anaknya adalah anak luar nikah dan hartanya hendaklah diserahkan kepada Baitulmal...”.¹⁴

Kenyataan fatwa tersebut telah dikumpul dalam sebuah buku terbitan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang berjudul “*Fatwa-fatwa Yang Diwartakan*”, juga dalam himpunan hasil daripada Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia pada 3 April 2000 yang telah bersidang kali ke-48 yang berlangsung di Putrajaya Malaysia.

Pandangan Sayyid Alawi Tahir al-Hadad Terhadap Ajaran *Waḥdah al-Wujūd* dalam Karya Tasawuf

Sayyid Alawi Tahir al-Hadad merupakan salah seorang yang pernah dilantik sebagai mufti kerajaan negeri Johor. Beliau adalah tokoh pertama dalam institusi Jabatan Agama Islam yang telah menfatwakan pengharaman ajaran *waḥdah al-wujūd* di Malaysia. Pengharaman serta larangan yang tegas terhadap penyebaran karya yang mengandungi unsur ajaran *waḥdah al-wujūd* telah diwartakan dalam fatwa rasmi Majlis Agama Islam negeri Johor pada tahun 1948.¹⁵ Menurut pandangan beliau, *waḥdah al-wujūd* adalah bercanggah dengan konsep fahaman aliran Ahli Sunnah wal Jamaah, dan meminta sesiapa yang telah terlibat dengan fahaman *waḥdah al-wujūd* tersebut untuk segera bertaubat, Sayyid Alawi juga menambah bahawa pengamal fahaman tersebut adalah kufur dan isterinya secara langsung tertalak, anaknya pula adalah anak luar nikah, serta hartanya perlu diserahkan kepada pihak *Bayt al-Māl*.¹⁶ Dalam catatan umum beliau mengenai aliran *waḥdah al-wujūd*, beliau menegaskan bahawa ajaran ini telah ditolak oleh beberapa pandangan cendekiawan Islam terdahulu. Berdasarkan asas itulah, beliau mengeluarkan idea fatwa pengharaman dengan mengaitkan sebahagian karya ulama Melayu yang sinonim dengan

¹⁴ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, “Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan (Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia, 3 April 2000) Muzakarah kali 48”, telah menfatwakan bahawa fahaman *wahdatul wujud* menyalahi akidah Ahli Sunnah wal Jamaah dan bertentangan dengan ajaran Islam. Cetakan Pertama, (Putrajaya: Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 2009), 9.

¹⁵ *Ibid.*, 9-10.

¹⁶ *Ibid.*,

penyebaran unsur *waḥdah al-wujūd* tersebut¹⁷ seperti *al-Dūrr al-Nafīs*, *Kashf al-Asrār*, *Fath al-‘Arifīn*, dan *Bayān al-Tajallī* sebagai haram.¹⁸

Menurut perspektif Sayyid Alawi, fahaman *waḥdah al-wujūd* bercanggah dengan ilmu tauhid kerana ia telah menetapkan bahawa orang kafir, seluruh manusia, segala binatang, langit, bumi, bulan, bintang itu semuanya merupakan Tuhan, bahkan jika ada orang yang mati, maka setengah daripada Tuhan dikatakan mati. Malahan, jika terjadi buta atau sakit atau lapar atau berjimak (bersetubuh) ataupun apa sahaja perbuatan, maka itu juga adalah Tuhan.¹⁹ Beliau dengan tegas melarang Mohamad Salleh bin Mohamdon iaitu penulis buku berjudul “*Perbandingan Iktiqad Orang-orang Melayu*” yang bertanyakan hal tersebut ketika itu. Sayyid Alawi juga larang dan memberi amaran keras agar umat Islam menjauhkan diri dari membaca karya besar ulama lain yang mengandungi ajaran *waḥdah al-wujūd*, seperti *Futūḥāt al-Makkiyyah*, *al-Insān al-Kāmil*, *al-Fuṣūṣ*, *Sharḥ al-Fuṣūṣ* oleh al-Nablusī, kitab *al-Ṭawāsīn*, kitab *Khal’ al-Na‘layn*, termasuk juga kitab yang dikarang oleh ‘Abd Karīm al-Hablī dari Zabid Yaman dan karya karangan Ibn Sab‘īn. Larangan dan amaran Sayyid Alawi ini adalah kerana pada pandangannya, karya-karya tersebut telah diserap dengan kepercayaan agama Hindu atau kerohanian Hindu, lalu dikatakan konsep tersebut telah dicampur-adukan ke dalam tasawuf Islam yang wujud sehingga hari ini.²⁰

Sayyid Alawi menjelaskan bahawa beliau telah membaca terjemahan karya berkenaan kerohanian Hindu. Justeru itu, beliau berpendapat bahawa fahaman yang diajar dalam kerohanian Hindu tersebut adalah sama dengan ajaran aliran tasawuf *waḥdah al-wujūd* yang dijenamakan oleh sesetengah orang sebagai ilmu hakikat, lalu dikatakan sebagai *ṭahārah* syariat (penyucian syariat), *ṭahārah* tarekat, dan *ṭahārah* hakikat, sembahyang syariat ataupun sembahyang hakikat.²¹ Tanpa memperincikan secara mendalam mengenai karya *al-Dūrr al-Nafīs*, Sayyid Alawi menyatakan karya tersebut dipenuhi dengan kejahatan yang “dicatitkan” oleh Allah SWT. Malah dengan “kecacatan” itu, ia mengaku Tuhan ialah makhluk, Dialah *Jawhar* dan Dialah Jisim, ‘*Araḍ* (sifat-sifat fizikal bagi Jisim), berubah dan sebagainya.²² Beliau turut menambah bahawa pengarang *al-Dūrr al-Nafīs* juga telah menyatakan bahawa golongan Ahli Sunnah wal Jamaah ialah satu golongan yang mana penglihatan mereka mempunyai *ghishāwāt* (terdinding). Selain itu, terdapat juga ucapan yang dikatakannya sebagai hadis, tetapi ia sebenarnya bukanlah hadis. Walau bagaimanapun, Sayyid Alawi mengakui bahawa memang terdapat beberapa daripada ucapan ulama yang betul di dalam karya tersebut. Sayyid Alawi menguatkan lagi pandangannya dengan menerangkan kefahaman terhadap catatan “*Riḥlah Ibn Baṭūṭah*” bahawa “orang belajar tasawuf dahulu telah pergi ke India, dan telah mempelajari falsafah Hindu daripada sana”.²³

¹⁷ Polemik fatwa Majlis Agama negeri Johor ini pada asalnya apabila terdapat seorang individu mengajukan soalan kepada Pejabat Mufti negeri Johor ketika itu. Beliau ialah Mohamad Salleh bin Mohamdon melalui siaran *Akhbar Majlis* bertarikh 29 September 1948, bertanyakan mengenai status lima kitab karangan ulama Jawi. Kemudiannya mufti menegaskan bahawa beliau telah merujuk kepada karya *al-Dūrr al-Nafīs* cetakan Mohamad Majid al-Kurdī di Makkah pada tahun 1335 Hijrah dan karya *Hidāyah al-Sālikīn* cetakan sama pada tahun 1331 Hijrah. Beliau menjawab bahawa karya-karya tersebut menunjukkan “agama” *waḥdah al-wujūd* ini berasal daripada ajaran agama Hindu yang kemudiannya “diambil pakaian” (disandarkan) daripada ayat-ayat al-Quran dan hadis.

¹⁸ Sayyid Alawi bin Tahir al-Hadad, *Fatwa Mufti Kerajaan Johor*, (Johor: Bahagian Penerbitan Jabatan Agama Johor, 1936-1961), t.h.

¹⁹ *Ibid.*,

²⁰ *Ibid.*,

²¹ *Ibid.*,

²² Pandangan Sayyid Alawi Tahir al-Hadad adalah berasaskan pembacaan isi kandungan karya *al-Dūrr al-Nafīs* Syekh Muhammad Nafis bin Idris al-Banjari. Rujuk juga: Sayyid Alawi bin Tahir al-Hadad, *Fatwa Mufti Kerajaan Johor*, (Johor: Bahagian Penerbitan Jabatan Agama Johor, 1936-1961), t.h.

²³ *Ibid.*,

Beberapa Karya di Alam Melayu Mengandungi Ajaran *Wahdah al-Wujūd* yang Difatwakan Pengharamannya Oleh Sayyid Alawi Tahir al-Hadad

Hasil daripada perwartaan fatwa pengharaman ajaran *wahdah al-wujūd*, maka beberapa buah karya turut dilarang penyebarannya serta diharamkan untuk masyarakat mempelajarinya. Fatwa rasmi beberapa Majlis Agama Islam di Malaysia menyatakan persetujuan sebagaimana yang terkandung dalam teks larangan oleh Sayyid Alawi Tahir semasa pewartaan fatwa pengharaman kali pertama oleh Majlis Agama Islam negeri Johor pada tahun 1948 tersebut. Karya yang telah disebutkan adalah seperti berikut:

1. *Al-Dūrr al-Nafīs fī Bayān Wāḥidah al-Af'āl Wa al-Asmā' Wa al-Ṣifāt Wa al-Dhāt Dhāt al-Taqdīs*

Karangan Syeikh Muhammad Nafis bin Idris al-Banjari. Merupakan seorang tokoh sufi yang berasal dari Kalimantan Selantan Indonesia. Beliau menulis karya *al-Dūrr al-Nafīs* yang dikatakan selesai pada tahun 1785.²⁴ Isi kandungan asas yang terdapat dalam karya tersebut ialah mengenai huraian ilmu tauhid dari aspek *af'āl* (perbuatan), sifat, *asmā'* (nama-nama), dan zat Allah SWT. Di dalam karya ini disebut pandangan tokoh besar dalam kesufian, seperti Ibn 'Arabī, al-Ghazālī, al-Sha'rānī, dan tokoh selainnya. Perbincangan dalam karya ini juga menyentuh mengenai ilmu martabat tujuh, konsep Nur Muhammad, dan *maqāmāt* (kedudukan) bagi orang yang sampai kepada hadrat *ma'rifah* (mengenal) Allah SWT.²⁵

2. *Hidāyah al-Sālikīn fī Sulūk Maslik al-Muttaqīn*

Karangan Syeikh Abdul Samad al-Falimbani. Merupakan tokoh sufi alam Melayu pada abad ke-18.²⁶ Karya ini dikatakan selesai ditulis di Makkah pada tahun 1778. Ia ditulis dalam tulisan Melayu Jawi yang mengandungi perbincangan mengenai tasawuf, akidah, dan fiqah. Naskhah awal dicetak di Makkah pada tahun 1870. Kemudian, ia *ditashīḥkan* (diperbetulkan) oleh Syeikh Muhammad Zain al-Fatani (m.1908).²⁷ Dikatakan karya ini ditulis berdasarkan kitab *Lubab Ihyā' 'Ulūm al-Dīn* karangan Abū Ḥāmid al-Ghazālī (m.1111/505). Ditambah lagi, terdapat huraian mengenai *aḥwāl shuhūd* (keadaan penyaksian) serta pentakwilan terhadap kalimah tauhid kepada "*lā mawjūd illā Allah*" (tiada yang wujud kecuali Allah SWT).²⁸ Penyerapan ajaran *wahdah al-wujūd* dalam pemikiran Syeikh Abdul Samad al-Falimbani dikenal pasti melalui karya penulisan beliau tersebut.²⁹

3. *Kashf al-Asrār*

²⁴ Maimunah Zarkasyi, "Konsep *al-Ma'rifah* Muhammad Nafis al-Banjari Dalam Karyanya *al-Durr al-Nafis*: Kajian Terhadap Masyarakat Banjar Di Kalimantan Selantan", (Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2017), 22.

²⁵ Muhammad Nafis Idris al-Banjari, *al-Dūrr al-Nafīs fī Bayān Wāḥidah al-Af'āl Wa al-Asmā' Wa al-Ṣifāt Wa al-Dhāt Dhāt al-Taqdīs*, (Fatani: Maṭba'ah bin Halābī, t.t), 2-40.

²⁶ Nur Afiqah Mohammed Alam dan Engku Ibrahim Engku Wak Zin, "Analisis Manuskrip Sayr Salikin Ila 'Ibadah Rabb Al-'Alamin Karya Syakh Abd Al-Samad Al-Falimbani Di Perpustakaan Negara Malaysia", *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 22 (3), (Disember 2021), 167.

²⁷ Shohana binti Hussin, "Kesejahteraan dan Kedamaian Melalui Pembangunan Modal Insan: Kajian Teks Hidayah Al-Salikin", (Seminar Serantau Islam dan Kesejahteraan Sejangat, Universiti Islam Sultan Sharif Ali Brunei Darussalam, 24-25 Februari 2010), 2.

²⁸ Abdul Samad al-Falimbani, *Hidāyah al-Sālikīn fī Sulūk Maslik al-Muttaqīn*, (Fatani: Maṭba'ah Halābī, t.t), 108-109.

²⁹ Karya beliau telah dicetak di Istanbul, Kaherah, Bangkok, Bombay, Beirut, Surabaya, Singapura dan Pulau Pinang. Rujuk juga: Khalif Muammar, "Faham Wahdat al-Wujud dan Martabat Tujuh Dalam Karya Shaykh Abdul Samad al-Falimbani", *Jurnal Tafhim: IKIM Journal of Islam and The Contemporary World*, 8, 2015, 98.

Karya ini ditulis oleh Syeikh Muhammad Saleh bin Abdullah Minangkabawi. Perbincangan dan sudut pengupasan isi utama yang terkandung dalam karya ini ialah berkenaan ilmu tasawuf berbentuk hakikat ataupun sebahagian memanggil dengan istilah tasawuf falsafi.³⁰ Antara perbincangan yang dikupas juga dalam karya *Kashf al-Asrār* ini, adalah perkara yang melibatkan ilmu usuluddin, ilmu fiqah dan ilmu tasawuf. Perkara lain yang turut dibincangkan adalah perkara yang melibatkan kepentingan menuntut ilmu dan ciri-ciri ulama dunia serta akhirat. Syeikh Muhammad Saleh bin Abdullah menekankan aspek hubungan antara kepentingan ilmu hakikat dengan usuluddin. Perbincangan ilmu usuluddin melalui kefahaman tentang sifat dua puluh menjadi isu yang dikemukakan oleh beliau dalam karya tersebut. Dalam konteks karya ini, beliau membicarakan amalan orang kesufian mengikut darjat golongan masing-masing, seperti amalan orang syariat, *tarīqat*, hakikat dan *maʿrifah*. Malah, beliau sering memuji golongan yang dikategorikannya sebagai orang yang mencapai hakikat dan *maʿrifah* dalam karyanya secara khusus. Antara sebab gesaan serta pujian beliau adalah golongan itu dinamai juga sebagai golongan peringkat *al-muntahā*.³¹ Mereka merupakan golongan yang dapat menghindari daripada sehalus-halus syirik dalam amalan ibadah mereka.

Pengaruh Pandangan Sayyid Alawi Terhadap Institusi Agama Islam di Malaysia

Resolusi daripada fatwa Sayyid Alawi Tahir al-Hadad masih lagi menjadi suatu kayu pengukur kepada pewartaan fatwa rasmi kontemporari daripada Majlis Agama Islam sebahagian negeri di Malaysia. Ia sepertimana telah disebutkan sebelum ini bahawa alasan fatwa bagi Majlis Agama Islam yang lain ialah bersetuju dengan pandangan Sayyid Alawi yang akhirnya menjadi fatwa rasmi negeri Johor. Melalui pengharaman itu, sesuatu tindakan larangan terhadap sebarang bentuk pembelajaran serta pasaran bagi jualan karya tersebut juga dilaksanakan di Malaysia. Karya-karya tersebut adalah merujuk kepada *Kashf al-Asrār*, *al-Dūrr al-Nafīs* serta *Hidāyah al-Sālikīn*.³² Tindakan menguatkuasakan sekatan terhadap sebarang penjualan karya tersebut di mana-mana kedai atau premis perniagaan buku dan karya di Malaysia masih lagi terus dikuatkuasakan sehingga hari ini.³³

Selain itu juga, pandangan Sayyid Alawi telah dijadikan rujukan sebagai dasar kritikan dan sanggahan oleh individu kontemporari. Abdul Fatah Haron bin Ibrahim³⁴ telah mengemukakan

³⁰ Wan Mohd Shaghir Abdullah, *Koleksi Ulama Nusantara*, (Setiawangsa: Khazanah Fathaniyah, 2004), 1:45.

³¹ Di dalam karya *Kashf al-Asrār*, Syeikh Muhammad Saleh telah membahagikan sufi kepada tiga golongan berdasarkan pelaksanaan mereka di dalam sesuatu ibadah, seperti mereka yang berpuasa itu terbahagi kepada tiga golongan. Pertama, puasa orang *mubtadī* (orang baharu serta permulaan). Kedua, puasa orang *mutawassit* (orang peringkat pertengahan). Ketiga, golongan puasa orang *muntahā* (orang peringkat terakhir). Rujuk: Syeikh Muhammad Saleh bin Abdullah Minangkabawi, *Kashf al-Asrār*, (Singapura: Ahmadiyah Press, 1390 H), 39-40.

³² Sahib al-Samahah Sayyid Alawi Tahir al-Hadad, "Pengharaman Kitab *Kasyf al-Asrār*, *al-Dar an-Nafīs*, *Hidayah as-Salikīn* dan kitab-kitab lain yang mempunyai elemen *wahdatul wujud* tidak dibenarkan dipelajari di Masjid-masjid dan Surau-surau", (Fatwa Rasmi Negeri Johor, 1948).

³³ Menurut salah seorang peniaga kedai buku, karya *Kashf al-Asrār* merupakan kitab yang dilarang untuk dipasarkan oleh pihak Majlis Agama Negeri Selangor (MAIS). Dalam satu temubual dengan pengkaji di premis penjualan kitab di kedai Pustaka Rezeki Harapan, Jalan Masjid India Kuala Lumpur, 5 Oktober 2019. Rujuk: Zulhelmi bt Nurmawan et al., (Peniaga Kedai Buku, Pustaka Rezeki Harapan, Jalan Masjid India Kuala Lumpur), dalam temubual dengan penulis, 5 Oktober 2019.

³⁴ Abdul Fatah Haron bin Ibrahim merupakan tokoh pengkaji kontemporari yang aktif dalam bidang kajian mengenai penyebaran ajaran sesat di Malaysia. Beliau juga pernah menjawat jawatan sebagai ahli panel JAKIM yang aktif pada tahun 1999 sehingga 2001. Rujuk juga: Abdul Basit bin Abdul Rahman, "Prof Dr Abdul Fatah Haron bin Ibrahim", Artikel, t.tp, t.p, t.t), 1-9.

sanggahan dengan mengkritik sebahagian siri karya ulama tasawuf yang mengandungi doktrin *waḥdah al-wujūd* tersebut. Beliau telah menulis sanggahan khusus ke atas karya *Kashf al-Asrār* Syeikh Muhammad Saleh Minangkabawi dan karya *al-Dūrr al-Nafīs* Syeikh Muhammad Nafis Idris al-Banjari.³⁵ Pada pendapat beliau, ajaran yang ditonjolkan dalam karya tersebut telah mencampur-adukan antara perbincangan *waḥdah al-wujūd* dengan ilmu pengajian sifat dua puluh daripada aliran Ahli Sunnah wal Jamaah. Menurut beliau, sepatutnya pembelajaran sifat dua puluh mestilah berasaskan konsep *ithnayniyyat al-wujūd* (dualisme wujud), dan perbuatan menafikan dua konsep wujud tersebut, jelas menunjukkan karya itu membawa ajaran sesat berpaksikan aliran ini.³⁶

Memperincikan pandangan itu, Abdul Fatah Haron bin Ibrahim menyatakan kritikan serta langkah pengharaman yang telah diambil terhadap karya tersebut daripada terus dipelajari oleh orang ramai adalah berdasarkan sokongan terhadap fatwa mufti negeri Johor.³⁷ Beliau menegaskan bahawa pemikiran *waḥdah al-wujūd* adalah berunsurkan konsep *ḥulūl* (penyerapan) dan *ittihād* (penyatuan) Tuhan dengan makhluk.³⁸ Justeru, pada pandangan beliau, pemikiran *waḥdah al-wujūd* bertentangan dengan ajaran Islam yang sebenarnya.³⁹

Jelas dapat diperhatikan bahawa kesan daripada pengaruh pandangan Sayyid Alawi telah mewujudkan fatwa yang sama dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam negeri selain Johor. Malah, ia turut mewujudkan sanggahan individu yang dilihat berautoriti dalam institusi akademik yang ditonjolkan melalui penulisannya. Oleh yang demikian, disebabkan oleh polemik inilah, perspektif masyarakat sebagai audiens telah mengambil langkah meninggalkan pengajian yang melibatkan karya tersebut. Sebahagian mereka menjadi khawatir sekiranya terlibat dengan ajaran menyeleweng daripada pemikiran Ahli Sunnah wal Jamaah secara umumnya. Satu impak lain juga, dapat diperhatikan bahawa dialog serta perdebatan antara aliran pemikiran sufi yang mendokong ajaran ini dengan aliran menentang mula rancak berlaku di Malaysia. Ia bertujuan supaya dapat mengemukakan hujah masing-masing dalam berinteraksi mengenai penyebaran konsep *waḥdah al-wujūd* melalui karya *turāth* yang kontroversi di Malaysia ini.⁴⁰

Justeru pengaruh fatwa negeri Johor oleh Sayyid Alawi Tahir al-Hadad masih lagi menjadi keputusan tradisi terhadap hujah serta alasan pengharaman karya ulama sufi di alam Melayu yang dikaitkan dengan elemen *waḥdah al-wujūd*. Walaupun fatwa rasmi Majlis Agama Islam negeri Johor tersebut telah melalui durasi yang agak panjang serta idea Sayyid Alawi yang masih diterima sebagai sebuah pandangan yang mantap, dilihat pada hakikatnya, masih belum ada suatu kajian

³⁵ Merujuk kepada penulisan Abdul Fatah Haron bin Ibrahim, kebanyakan daripada hasil penulisan beliau diterbitkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dalam tempoh tersebut (perkhidmatan beliau sebagai ahli panel JAKIM).

³⁶ Abdul Fatah Haron Ibrahim, *Sanggahan Ke Atas Kitab Kasyf Al-Asrar*. (Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2000), 12.

³⁷ Abdul Fatah Haron Ibrahim, *Waḥdat al-Wujud dan Penyerapannya dengan Cara Batiniyah, dalam Kebatilan dalam Ajaran Kebatitan*, ed. Abdullah Muhammad Zin et al., (Kuala Lumpur: Kolej Universiti Islam Malaysia, Cetakan Pertama, 2003), 42.

³⁸ *Ibid.*, 19.

³⁹ Abdul Fatah Haron Ibrahim, *Ahli Sunnah dan Wujudiah-Batiniyah (Mengenai Ajaran Salah)*, (Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Cetakan Pertama, 1999), 91.

⁴⁰ Sebagai contoh satu respon oleh tokoh agamawan kontemporari seperti Mahadir Hj Joll terhadap fatwa pengharaman *Hidāyah al-Sālikīn*. Rujuk penjelasan beliau bertajuk “Hidayatus Salikin: Penjelasan dari Ustaz Muhadir Hj Joll” di laman Sesawang (8 Disember 2015): Rujuk juga: Mahadir Haji Joll. “Hidayatus Salikin Ini Penjelasan Dari Ustaz Mahadir Joll”. Laman Sesawang Sri Didie, dicapai 6 Julai 2022, <http://www.srididie.com/nota-agama/hidayatus-salikin-penjelasan-dari-ustaz-muhadir-joll>. Rujuk juga: Ahli Sunnah Group Research Center. “Diskusi Ilmiah: Ibn ‘Arabī dari Neraca Ahli Sunnah wal Jamaah”. (Seminar Dialog Isu Semasa), Menara Universiti Tun Abdul Razak Kuala Lumpur, 11 November 2018.

terperinci yang dapat menunjukkan isi perbandingan di antara fatwa dengan karya yang disebut secara khusus, malah ia sekadar pandangan secara umum terhadap karya *turāth* dalam penyebaran ilmu tasawuf tersebut.

KESIMPULAN

Pandangan mengenai fatwa pengharaman serta larangan daripada mempelajari ilmu tasawuf berkonsep *wahdah al-wujūd* menyumbang kepada suatu implikasi tersendiri. Implikasi itu dapat dilihat pada aspek penyebarannya di Malaysia. Ia bermula daripada urusan pasaran karya ulama di premis atau kedai buku yang wujud di Malaysia, sehinggalah dalam aspek pengajian mengenai karya, dan individu yang mengamalkannya. Idea penfatwaan daripada institusi Majlis Agama Islam negeri-negeri di Malaysia dilihat telah menjadi hujah bagi masyarakat awam supaya tidak terlibat dengan sebarang bentuk madrasah pembelajaran mengenainya. Dalam polemik penfatwaan ini, disimpulkan bahawa susut tubuh Sayyid Alawi Tahir al-Hadad telah menjadi watak utama yang telah menanam asas pengharaman terhadap ajaran *wahdah al-wujūd* secara rasmi melalui institusi Agama Islam di Malaysia. Hal inilah jelas bahawa pandangan beliau ketika dahulu masih lagi diguna pakai sehingga waktu ini.

RUJUKAN

- Abdul Basit bin Abdul Rahman. "Prof Dr Abdul Fatah Harun bin Ibrahim". Artikel, t.t.p, t.p, t.t.
- Abdul Fatah Haron bin Ibrahim. *Ahli Sunnah dan Wujudiyah-Batiniah (Mengenai Ajaran Salah)*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Cetakan Pertama, 1999.
- Abdul Fatah Haron bin Ibrahim. *Sanggahan Ke Atas Kitab Kasyf Al-Asrar*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2000.
- Abdul Fatah Haron bin Ibrahim. *Wahdat al-Wujud dan Penyerapannya dengan Cara Batiniah, dalam Kebatilan dalam Ajaran Kebatinan*. ed. Abdullah Muhammad Zin et al., Kuala Lumpur: Kolej Universiti Islam Malaysia, Cetakan Pertama, 2003.
- Abū al-‘Alā ‘Afīfī. *al-Taṣawwūf al-Thawrah al-Rūḥiyyah fī al-Islām*. Beirut: Dar al-Sha‘b li al-Ṭaba‘ah wa al-Nashr, t.t.
- Ahmad bin ‘Abd al-‘Azīz al-Qaṣayyir, *‘Aqīdah al-Ṣūfiyyah Wahdah al-Wujūd al-Khaḍiyyah*. Riyadh: Maktabah al-Rashd Nāshirūn, 2003.
- Ahli Sunnah Group Research Center. "Diskusi Ilmiah: Ibn ‘Arabī dari Neraca Ahli Sunnah Wal Jamaah". Seminar Dialog Isu Semasa, Menara Universiti Tun Abdul Razak Kuala Lumpur, 11 November 2018.
- Al-Banjari, Muhammad Nafis Idris. *al-Dūrr al-Nafīs fī Bayān Wāḥidah al-‘Af‘āl Wa al-Asmā’ Wa al-Ṣifāt Wa al-Dhāt Dhāt al-Taqdīs*. Fatani: Ma‘ṭba‘ah bin Halābī, t.t.
- Al-Falimbani, Abdul Samad. *Hidāyah al-Sālikīn fī Sulūk Maslik al-Muttaqīn*. Fatani: Maṭba‘ah Halābi, t.t.
- Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid. *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn*. Kaherah: Maktabah Fayyād, t.t.
- Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid. *Mishkāt al-Anwār*. tahqiq: Riyāḍ Mustafā al-‘Abd Allah. Damshīq: Dar al-Ḥikmah, 1407H.
- Al-Hadad, Sayyid Alawi bin Tahir. *Fatwa Mufti Kerajaan Johor*. Johor: Bahagian Penerbitan Jabatan Agama Johor, 1936-1961.
- Al-Hadad, Sayyid Alawi bin Tahir. "Pengharaman Kitab *Kasyf al-Asrār, al-Dar an-Nafīs, Hidayah as-Salikīn* dan kitab-kitab lain yang mempunyai elemen wahdatul wujud tidak

- dibenarkan dipelajari di Masjid-masjid dan Surau-surau”. Fatwa Rasmi Negeri Johor, 1948.
- Al-Taftāzānī, Abū Wafā’. *Madkhal Ilā al-Tasawwūf al-Islāmī*. Kaherah: Dar al-Thaqāfah li al-Nashr wa al-Tawzī’, t.t.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. “Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan (Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia, 3 April 2000 Masihi) Muzakarah kali 48”. Cetakan Pertama, Putrajaya: Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 2009.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. *Kompilasi Pandangan Hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2015.
- Jabatan Mufti Negeri Kedah Darul Aman. *Himpunan Fatwa yang diwartakan*. Kedah: Jabatan Mufti Negeri Kedah Darul Aman, 2018.
- Khalif Muammar. “Faham Wahdat al-Wujud dan Martabat Tujuh Dalam Karya Shaykh Abdul Samad al-Falimbani”. *Jurnal Tafhim: IKIM Journal of Islam and the Contemporary World*, 8, 2015.
- Mahadir Haji Joll. “Hidayatus Salikin Ini Penjelasan Dari Ustaz Mahadir Joll”. Laman Sesawang Sri Didie, dicapai 6 Julai 2022, <http://www.srididie.com/nota-agama/hidayatus-salikin-penjelasan-dari-ustaz-muhadir-joll>.
- Maimunah Zarkasyi. “Konsep al-Ma‘rifah Muhammad Nafis al-Banjari Dalam Karyanya al-Dūrr al-Nafīs: Kajian Terhadap Masyarakat Banjar Di Kalimantan Selatan”. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2017.
- Muhammad Ali Mufti. *Nilai-Nilai Pendidikan Keimanan dalam Paham Wahdat Al-Wujud Ibnu ‘Arabi*. Jakarta: Fakultas Ilmu Tarbiyah dan Keguruan UIN Syarif Hidayatullah, 2014.
- Nur Afīqah Mohammed Alam dan Engku Ibrahim Engku Wak Zin, “Analisis Manuskrip Sayr Salikin Ila ‘Ibadah Rabb Al-‘Alamin Karya Syakh Abd Al-Samad Al-Falimbani Di Perpustakaan Negara Malaysia”, *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari: Universiti Sultan Zainal Abidin*, 22 (3), Disember 2021.
- Ṣalībā, Jamīl. *al-Mu‘jam al-Falsafī*. Beirut: Dar al-Kitāb al-Bananī, 1982.
- Shohana binti Hussin. “Kesejahteraan dan Kedamaian Melalui Pembangunan Modal Insan: Kajian Teks Hidayah Al-Salikin”, Seminar Serantau Islam dan Kesejahteraan Sejangat, Universiti Islam Sultan Sharif Ali Brunei Darussalam, 24-25 Februari 2010.
- Syeikh Muhammad Saleh bin Abdullah Mingkabawi. *Kashf al-Asrār*. Singapura: Ahmadiyyah Press, 1390 Hijrah.
- Uswatun Hasanah. “Konsep Wahdat Al-Wujūd Ibn ‘Arabī Dan Manunggaling Kawulo Lan Gusti Ranggawarsita”, Tesis Sarjana, Universitas Islam Walisongo Semarang, 2015.
- Wan Mohd Shaghir Abdullah. *Koleksi Ulama Nusantara*. Setiawangsa: Khazanah Fathaniyah, 2004.
- Zulhelmi bt Nurmawan et al., (Peniaga Kedai Buku, Pustaka Rezeki Harapan, Jalan Masjid India Kuala Lumpur), dalam temubual dengan penulis, 5 Oktober 2019.